



JABATAN PERDANA MENTERI
KUALA LUMPUR

Telefon : 201957
KAWAT : PERDANA

Ruj.Kami: (15)dIm.UPP.0.93/
491/9-5

Tarikh: 14hb. Mac, 1985.

Ketua Eksekutif Badan Berkanun/
Syarikat Kerajaan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1985

Garis panduan Mengenai Penyertaan Seseorang
Eksekutif Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan
Dalam Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Swasta

I. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengumumkan Garis panduan mengenai penyertaan seseorang Eksekutif Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan sebagai Pengarah dalam Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Swasta.

2. TAKRIF

2.1. Badan Berkanun adalah ditakrifkan sebagai perbadanan yang ditubuhkan mengikut kuasa Akta Parlimen atau Enakmen yang khusus.

2.2. Syarikat Kerajaan adalah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat-syarikat 1965 dan di mana Kerajaan memiliki 51% atau lebih ekuiti syarikat tersebut.

2.3. Syarikat Swasta adalah syarikat yang ditubuhkan di bawah

Akta Syarikat-syarikat 1965 dan di mana pihak swasta memiliki 51% atau lebih ekuiti syarikat tersebut.

3. GARISPANDUAN PENYERTAAN SESEORANG EKSEKUTIF
BADAN BERKANUN/SYARIKAT KERAJAAN DALAM
LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA

3.1. Untuk memastikan supaya tidak timbul pertelingkahan kepentingan seseorang Eksekutif dalam Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan di mana ia berkhidmat dengan kedudukannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah di sesebuah syarikat lain, Kerajaan telah menetapkan garis panduan seperti berikut bagi penyertaan seseorang Eksekutif Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat swasta:-

3.1.1. Seseorang Eksekutif sesuatu Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan hanya dibenarkan menduduki Lembaga Pengarah syarikat-syarikat swasta sekiranya majikannya itu mempunyai ekuiti dalam syarikat-syarikat berkenaan dan keanggotaan pegawai berkenaan adalah bagi mengawasi kepentingan majikannya.

3.1.2. Seseorang yang dilantik hendaklah mempunyai ciri-ciri serta kelayakan dan pengalaman yang sesuai untuk membolehkan beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah yang berkesan dan memberi sumbangan yang berguna kepada pengurusan syarikat swasta berkenaan.

3.1.3. Seseorang Eksekutif Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan

tidak dibenarkan menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat swasta tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Lembaga Pengarah Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan di mana ianya berkhidmat.

3.1.4. Seseorang Eksekutif sesuatu Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan tidak dibenarkan menyandang jawatan Pengarah Eksekutif di sebarang syarikat swasta melainkan ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya di Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan berkenaan.

3.1.5. Seseorang Eksekutif yang menduduki Lembaga Pengarah sesuatu syarikat swasta hendaklah memastikan bahawa tiada timbul pertelingkahan kepentingan tugas dan kepentingan dirinya sendiri. Beliau tidak harus mengabaikan tugas utamanya dengan menumpukan masa yang lebih kepada perkhidmatannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat swasta.

3.1.6. Seseorang Eksekutif Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan tidak dibenarkan menganggotai lebih daripada lapan (8) Lembaga Pengarah Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan/Syarikat Swasta termasuk anak syarikatnya.

3.1.7. Seseorang Eksekutif yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat hendaklah melaporkan perbincangan mesyuarat serta kemajuan

aktiviti syarikat berkenaan kepada majikannya tiap-tiap kali selepas menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat berkenaan.

3.1.8. Tempoh perkhidmatan seseorang Eksekutif dalam Lembaga Pengarah sesuatu syarikat itu adalah mengikut budi bicara Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan yang diwakilinya itu. Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan berkenaan berhak pada bila-bila masa menarik balik kelulusan yang diberi itu demi kepentingan tertentu.

4. PERANAN SESEORANG EKSEKUTIF DALAM LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT SWASTA

4.1. Seseorang Eksekutif yang dilantik adalah bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut:-

4.1.1. Memastikan dasar-dasar Kerajaan dipatuhi dan dilaksanakan.

4.1.2. Memastikan perkembangan dan kemajuan syarikat-syarikat swasta adalah sejajar dengan kehendak Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan yang diwakilinya.

4.1.3. Memastikan bahawa syarikat-syarikat swasta mencapai segala matlamat dan objektifnya dan bahawa prestasinya sentiasa baik.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1. Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(TAN SRI SALEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.